

'UNDANG2 ISLAM DAN POLITIK'

KUALA LUMPUR, Khamis — Undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia adalah sejajar dengan siasah negara ini, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, hari ini.

Langkah-langkah ini, kata beliau, sejajar dengan sunah Nabi yang mengambil kira kedudukan penganut Islam,

perasaan peri kemanusiaan sebelum menetapkan sesuatu hukuman jenayah.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada Haji Hassan Haji Mohamad (PAS - Rantau Panjang) di Dewan Rakyat.

Datuk Haji Suhaimi berkata, di dalam dunia Islam, pelaksanaan undang-undang Islam adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain.

Tidak ada satu negara yang mempunyai penduduk dari orang Islam, sama ada hampir seratus peratus atau

sebagai minoriti yang melaksanakan undang-undang Islam seratus peratus, tambahnya.

Menurut beliau, keadaan ini terdapat bukan kerana negara-negara ini membelakangkan agama Islam tetapi kerana Islam memberi kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang Islam mengikut keadaan dalam sesuatu negara, iaitu mengikut al-siasah.

Terdapat di dunia ini kumpulan-kumpulan orang Islam yang minoriti yang sudah tentu tidak mungkin menjalankan undang-undang

Islam kerana percubaan membuat demikian akan membawa tindakan yang keras dari kaum majoriti, katanya.

Siasah

Bagi negara yang penduduknya hampir seratus peratus Islam, keadaan perhubungan politik dan dagang dengan negara asing juga mempunyai kesan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam dalam negeri, kata beliau lagi.

Dalam keadaan orang Islam 50 peratus sahaja tentulah terpaksa

mengambil kira siasah yang wujud dalam keadaan ini.

Yang penting, katanya kesalahan yang salah pada pandangan agama Islam dihukum dengan hukuman yang berasaskan kepada keadilan yang terdapat dalam agama Islam.

Jika ini dibuat maka mengikut kelonggaran yang diberi oleh agama Islam dianggap sebagai terlaksana.

Malaysia, tambahnya, adalah di dalam kategori ini.

Jika Malaysia dikatakan tidak melaksanakan undang-undang Islam maka dunia Islam terpaksa akui bahawa tidak ada negara Islam di dunia ini, dan tidak ada tempat di mana undang-undang Islam dilaksanakan.

"Pendapat yang akhir ini adalah tidak tepat kerana Islam memang memberi kelonggaran dan Islam tidak bermaksud untuk menyusahkan penganutnya sehingga mereka terdedah kepada bahaya yang mungkin menghapuskan mereka," kata Timbalan Menteri itu lagi.

Islam, kata beliau, adalah agama yang adil, berperikemanusiaan dan di Malaysia berpandu kepada ajaran Islam yang sebenar dalam melaksanakan undang-undang Islam.

"Stmus langkah yang perlu diambil mengikut siasah semasa telah pun diambil oleh kerajaan bagi melaksanakan undang-undang Islam."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia